

MANUAL PELARASAN CEK TERBATAL / EFT DITOLAK YANG MELEBIHI TEMPOH ENAM (6) TAHUN KE AKAUN HASIL KERAJAAN PERSEKUTUAN

1.0 OBJEKTIF

Objektif penyediaan Baucar Jurnal KJ ([Jurnal Biasa Pelarasan jenis KJ](#)) ini adalah untuk melaraskan transaksi Cek Terbatal / EFT Ditolak yang tidak dituntut melebihi tempoh enam (6) tahun dari tarikh Cek Terbatal / EFT Ditolak. [Perkara ini](#) selaras dengan ketetapan pada Para **2.1.5** dan **3.1.5** di Lampiran G, Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bil. 5/2023 ke Akaun Hasil Kerajaan Persekutuan.

2.0 SKOP

Skop bagi proses kerja ini melibatkan tindakan Pusat Tanggungjawab (PTJ) yang perlu mengenal pasti scenario Cek Terbatal / EFT Ditolak serta kod akaun yang terlibat untuk membuat pelarasan menggunakan Baucar Jurnal KJ adalah seperti berikut:-

SENARIO	PERIHAL	CATATAN PADA JURNAL KJ	KOD AKAUN
1.	Cek Terbatal	Kredit Akaun Hasil Pelbagai	H0181303
2.	EFT Ditolak	Kredit Akaun Hasil Pelbagai	H0181304
3.	EFT yang pada asalnya didebit ke Akaun Amanah atau Akaun Pinjaman	Kredit Akaun Amanah atau Akaun Pinjaman asal	Kod akaun asal Akaun Amanah atau Akaun Pinjaman berkenaan

3.0 TATACARA PENYEDIAAN BAUCAR JURNAL KJ

Tatacara untuk menyediakan Baucar Jurnal KJ ini oleh pegawai yang mempunyai **peranan** sebagai **Penyedia** di dalam portal iGFMS adalah seperti [berikut](#):

Bil.	Nama Medan / Butang	Rujukan	Tindakan
1	Pengurusan Arahan Pembayaran	Rajah 1	Klik pada medan Pengurusan Arahan Pembayaran
2	Baucar Jurnal	Rajah 1	Klik pada medan Baucar Jurnal.
3	Daftar	Rajah 1	Klik pada medan Daftar Dokumen
4	Jenis Dokumen	Rajah 1	Pada medan Jenis Dokumen, pilih Jenis Urusniaga Baucar Jurnal KJ
5	Pelarasan Pembatalan Cek/ EFT	Rajah 1	Klik pada butang radio Pelarasan Pembatalan Cek/EFT
6	Medan No. Cek/ EFT	Rajah 1	Masukkan No. Cek Terbatal/ EFT Ditolak
7	Jana	Rajah 1	Klik pada butang Jana

Bil	Nama Medan / Butang	Rujukan	Tindakan
8	Perihal	Rajah 2	Selepas perihal pelarasan pembatalan Cek/ EFT, tambah maklumat no. Cek/ EFT, tarikh Cek/ EFT dan justifikasi ringkas pelarasan dibuat. Contoh: Pelarasan Pembatalan Cek/EFT Batal XXXXXXXXXXXXXXXXXXXX bertarikh XX.XX.XXXX ke akaun hasil kerana Cek/EFT Ditolak tidak dituntut selepas 6 tahun. Rujuk Arahan Pembayaran XXXXXXXX bertarikh XX.XX.XXXX
9	Maklumat Penerima	Rajah 2	Semak dan pastikan maklumat penerima Cek/ EFT adalah sama seperti maklumat penerima Cek/ EFT pada Langkah 6.
10	Tambah Baris	Rajah 3	Klik pada butang Tambah
11	Jenis Dokumen	Rajah 3	Pada medan ini, pastikan pilih kategori kod Akaun GL, Kod Akaun bersesuaian mengikut senario. Masukkan butiran kod PTJ Tanggung, Vot Dana G000, Amaun di bahagian kredit dan Kod PTJ Bayar.
12	Kod Kegunaan PTJ	Rajah 3	Pada medan ini, masukkan no. EFT yang tepat bagi mengelakkan <i>caj line</i> tidak dapat dipadankan dan menjadi <i>open item</i> (item tidak selesai).
<p>Nota:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Semua medan adalah medan Mandatori (M) dan perlu di kunci masuk atau diklik oleh Penyedia. • Apabila tindakan dari bil. 1 hingga 12 telah selesai diambil oleh penyedia, PTJ perlu membuat Perakuan 1, Semak AO (Peranan Pejabat Perakaunan) dan Perakuan 2 sebelum Baucar Jurnal KJ ini lengkap sepenuhnya. • Sila tekan butang simpan atau <i>iSign</i> berulang kali sekiranya tertera <i>Error (Lock By Payment Run)</i> • Cetak Baucar Jurnal KJ yang telah berstatus 80. Kepilkan Baucar Jurnal KJ bersama semua dokumen sokongan yang terlibat bagi tujuan pengauditan/semakan oleh Pasukan Naziran. 			

The image shows a screenshot of a web application interface for 'DAFTAR BAUCAR JURNAL'. The interface includes a top navigation bar with various menu items, a left sidebar with document management options, and a main content area with several sections. Numbered callouts (1-7) highlight specific elements:

- 1**: Points to the 'Baucar Jurnal' menu item in the top navigation bar.
- 2**: Points to the 'Baucar Jurnal' menu item in the secondary navigation bar.
- 3**: Points to the 'Daftar Dokumen' option in the left sidebar.
- 4**: Points to the 'Jenis Urusniaga' dropdown menu in the 'KRITERIA PILIHAN' section.
- 5**: Points to the 'Pelarasan Pembatalan Cek/EFT' radio button option in the 'KRITERIA PILIHAN' section.
- 6**: Points to the 'No. Cek/EFT' input field in the 'KRITERIA PILIHAN' section.
- 7**: Points to the 'Jana' button in the top left of the form area.

The main form area contains the following sections:

- DAFTAR BAUCAR JURNAL**: Header of the form.
- Buttons**: Simpan, Hantar, Perakuan, Kuiri, Set Semula, Hapus.
- Jana**: Button to generate the list.
- KRITERIA PILIHAN**: Section for selection criteria, including:
 - Jenis Urusniaga: KJ, Baucar Jurnal 1GFMAS
 - Radio button options: Wang Pendahuluan Diri = Amaun Tuntutan (TNT), Wang Pendahuluan Diri > Amaun Tuntutan (TNT), Wang Pendahuluan Diri (Denda Lewat), Potongan Gaji Pendahuluan Diri (UGAT), Wang Jaminan Pelaksanaan (Rampasan & Pelarasan), Pelarasan Pembatalan Cek/EFT (selected), Pelarasan Antara Penerima, Jurnal Biasa, Jurnal Biasa Pelarasan.
 - No. Cek/EFT: Input field.
- PILIHAN BULAN DAN TAHUN KEWANGAN**: Section for financial year and month selection, including:
 - Radio button options: Tahun Kewangan Semasa (selected), Bulan Perakaunan dan Tahun Kewangan Lama.
 - Tahun: 2024 (highlighted in a red box).

Rajah 1

Tugasan	Data Induk	Waran	Baucar Jurnal	Perolehan	Pengurusan Arahan Pembayaran	Terimaan	Panjar	Perakaunan Aset	Laporan	JSM
Arahan Pembayaran Dengan Pesanan Kerajaan		Arahan Pembayaran Tanpa Pesanan Kerajaan		Arahan Pembayaran (Agensi Luar)		Baucar Jurnal (Agensi Luar)		Baucar Jurnal	Fungsi Khas	Laporan

- Status Dokumen
- **Daftar Dokumen**
- Kemaskini Dokumen

DAFTAR BAUCAR JURNAL

DATA ASAS

Tahun	<input type="text" value="2020"/>	Tarikh Post	<input type="text"/>	<input type="checkbox"/> AKB	<input type="checkbox"/> AP58(a)
Jenis Urusniaga	<input type="text" value="KJ"/> Baucar Jurnal 1GFMAS	Bulan Perakaunan	<input type="text"/>		
Pejabat Perakaunan	<input type="text" value="1008"/> JABATAN AKAUNTAN NEGARA NEGERI PERAK				
No. Dokumen:	<input type="text"/>				
Tarikh Dokumen	<input type="text" value="28.07.2020"/>	Tarikh Mula	<input type="text"/>		
		Tarikh Akhir	<input type="text"/>		
Pegawai Pengawal Menyedia	<input type="text" value="B6"/> KETUA SETIAUSAHA PERBENDAHARAAN				
Kumpulan PTJ & PTJ Menyedia *	<input type="text" value="27021301"/> KUMPULAN PTJ JABATAN AKAUNTAN NEGARA				
	<input type="text" value="PEJABAT PENGARAH JANMI NEGERI PERAK"/>				
Perihal *	<div style="border: 1px solid #ccc; padding: 5px; min-height: 50px;"> Pelarasan Pembatalan Cek/EFT </div>				

Maksimum 200 aksara

MAKLUMAT PENERIMA

Nama	<input type="text" value="SYATNA"/>	No. Kontrak/ID Pendahuluan	<input type="text" value="10475471001374"/>
Nama 2	<input type="text"/>	No. Resit	<input type="text"/>
Nama 3	<input type="text"/>	Cek/EFT	<input type="text"/>
Kod Entiti	<input type="text" value="JPN"/>	No. Gaji	<input type="text"/>
Kod Pembekal	<input type="text" value="6000235399"/>	No. Tel Bimbit	<input type="text"/>
No. KP/No. Pendaftaran	<input type="text" value="0403240809"/>	No. Faks	<input type="text"/>
Alamat	<input type="text" value="Tingkat 5-9, Wisma Maju Umno Jalan Sultan Idris Shah, 30990, Ipoh, Perak, Malaysia"/>		
		Alamat Emel	<input type="text"/>

8

9

Rajah 2

Bandar

Negara

PINDAHAN/PELARASAN DIMASUK KIRA KE DALAM AKAUN DI BAWAH

10

Bil.	Kategori	Subsidiari	Kod Akaun	Special G/L Ind.	KOD DIPERTANGGUNG										KOD MEMBAYAR						
					Pegawai Pengawal	Kumpulan PTJ & PTJ	Vot/ Dana	Program/ Aktiviti	Projek	Setia	Subsetia	CP	Amaun (DT) RM	Amaun (KT) RM	Pegawai Pengawal	Kumpulan PTJ & PTJ	Pejabat Perakaunan	Kod Kegunaan Pusat Tanggungjawab			
1	Pembekal	6000235399	L1121102	E	B7	99110801	G000								38.00	0.00	B7	99110801	1008		
11	Akaun GL ▼		H0181304		B7	99110801	G000								0.00	38.00	B7	99110801	1008	12	

Jumlah Kawalan

Rajah 3